



جابتن ائام اسلام ڤيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(86)

Tarikh: 24 Rabiulawwal 1447H
17 September 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibaca di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	19 September 2025 / 26 Rabiulawwal 1447
Tajuk	Kelebihan Tawakkal

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"

KEPADA Pengerusi Jawatankuasa Kariah / Khatib / Imam Bertugas
PENGUMUMAN SEBELUM AZAN PERTAMA SOLAT JUMAAT 19 SEPTEMBER 2025
PERKARA: “HEBAHAN PERAK AGROFEST 2025”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Para Jemaah yang dikasihi

Di sini ada satu pengumuman iaitu dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, dimaklumkan bahawa Perak Agrofest 2025 akan bermula dari **26 hingga 28 September 2025** (Jumaat, Sabtu dan Ahad) bertempat di **Ladang Infoternak, Sungai Siput**, Perak. Pelbagai laman menarik menanti anda – daripada buah-buahan segar, jualan produk usahawan tempatan, hingga ke laman florikultur untuk para peminat bunga.

Para Jemaah dijemput bersama-sama keluarga untuk memeriahkan pesta agro terbesar negeri Perak ini. Insya-Allah kita jumpa di Perak Agrofest 2025.





Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“KELEBIHAN TAWAKKAL”

19 September 2025 / 26 Rabiulawwal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“KELEBIHAN TAWAKKAL”

Firman Allah SWT:

﴿وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ وَكَفَى بِهِ ذُنُوبَ عِبَادِهِ خَبِيرًا﴾

Bermaksud: Dan bertawakallah kepada Allah yang hidup abadi serta tidak mati. Dan bertasbihlah dengan memuji Nya. Dan cukuplah Dia Maha Mengetahui secara mendalam dosa-dosa hamba Nya. (Surah al-Furqan ayat 58)

Imam al-Ghazali dalam karyanya, *Ihya Ulumiddin* mentakrifkan tawakal bermaksud kebergantungan hati insani semata-mata kepada Allah SWT, meyakini sepenuhnya bahawa kejayaan sesuatu usaha dan ikhtiar itu hanya dicapai dengan izin Allah SWT. Tawakal dan berserah diri kepada Allah SWT dalam setiap usaha

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

dan ikhtiar merupakan satu kewajipan seorang mukmin selaras dengan ayat 58 surah al-Furqan yang khatib bacakan pada awal khutbah.

Sifat tawakal berkait rapat dengan rukun iman keenam, iaitu beriman kepada qada dan qadar. Imam Al-Ghazali menggariskan kesempurnaan tawakal terdiri daripada tiga rukun:

Pertama: Meyakini bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Menentukan segalanya.

Kedua: Orang yang bertawakal tidak berserah melainkan kepada Allah SWT.

Ketiga: Tawakal hendaklah disertai dengan beramal, berusaha dan berikhtiar.

Jemaah yang dikurniai petunjuk Ilahi

Kisah para Rasul dan *salafus soleh* sarat dengan nilai-nilai tawakal. Sewaktu bersembunyi bersama Saidina Abu Bakar RA, dalam Gua Thur dalam perjalanan berhijrah ke Madinah, Rasulullah SAW bertawakal kepada Allah SWT untuk keselamatan diri. Ibu Nabi Musa AS bertawakal sepenuh keyakinan kepada Allah SWT ketika menghanyutkan anaknya di Sungai Nil; begitu juga tawakal Nabi Ibrahim AS ketika dibakar oleh Namrud; dan tawakal Nabi Musa AS untuk menyeberangi Laut Merah bersama pengikut Baginda ketika dikejar oleh Firaun. Terbukti Allah SWT mengurniakan pertolongan kepada mereka yang bertawakal kepada Nya. Terkini, tawakal yang diperlihatkan oleh sekumpulan pemuda Mesir, mengalirkan botol-botol berisi makanan ke dalam sungai, dengan niat mahu membantu penduduk Gaza melalui program "Dari laut ke laut sebotol harapan untuk Gaza" amat menginsafkan dan sangat menjentik perasaan ummah yang menjiwai nilai-nilai kemanusiaan.

Mimbar menarik perhatian para jemaah kepada keutamaan dan kelebihan bertawakal:

Pertama: Allah SWT mencintai hamba Nya yang sentiasa bertawakal dan berserah diri kepada Nya selaras dengan firman Allah:

فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Bermaksud: Kemudian, apabila kamu telah berazam, maka bertawakallah kepada Allah. Maka sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada Nya.

(Surah Ali Imran ayat 159)

Kedua: Tawakal menatijahkan rezeki dan keperluan yang mencukupi untuk kehidupan seorang mukmin. Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ بَالِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٣﴾

Bermaksud: Dan (ingatlah) sesiapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah akan mencukupkan (keperluannya untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan setiap sesuatu.

(Surah al Talaq ayat 3)

Ketiga: Sifat tawakal mendidik Mukmin agar bersedia menerima ketentuan takdir Ilahi. Merupakan *sunatullah*, untuk berusaha dan berikhtiar, di samping berdoa, bersolat hajat, beristikharah, bermusyawarah, memohon restu, seterusnya berserah dan bertawakal kepada Allah SWT. Seandainya hasrat yang diimpikan tercapai maka segeralah bersyukur kepada Nya. Andai kata sebaliknya yang berlaku, maka redha dan pasrah kepada takdir dan ketentuan Ilahi; dengan keyakinan bahawa pastinya ada hikmah dan kebaikan yang Allah lebih mengetahui. Sikap demikian menatijahkan ketenangan dan kekuatan dalam diri insan ketika menghadapi ujian kehidupan.

Keempat: Tawakal mengukuhkan kesabaran seorang mukmin yang redha dan pasrah kepada ketentuan Ilahi; penawar mujarab merawat kegagalan, kekalahan, kesedihan, tekanan perasaan dan kemurungan.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Sebahagian umat Islam terkhilaf memahami konsep tawakal sehingga ada dalam kalangan mereka yang hanya bertawakal dan berserah diri tanpa berusaha dan berikhtiar. Sebagai contoh, perbuatan membaca doa ketika menaiki kenderaan tetapi tidak memakai tali pinggang keselamatan atau topi keledar, atau memandu kenderaan mengatasi had laju dengan alasan sudah bertawakal. Pesakit yang hanya berserah kepada Allah, berdoa mohon disembuhkan daripada penyakit, tetapi tidak mahu berubat, tidak mengawal pengambilan makanan, tidak beriadah dan tidak berehat secukupnya. Semata-mata berserah kepada Tuhan tanpa dilengkapi usaha dan ikhtiar, merupakan kefahaman yang salah terhadap maksud tawakal. Tawakal menuntut Mukmin agar berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai sesuatu impian dan cita-cita, sama ada yang bersifat duniawi atau ukhrawi. Rasulullah SAW pernah menegur seorang sahabat yang tidak menambat tanggungannya kerana semata-mata bertawakal kepada Allah SWT. Sabda Baginda:

إِعْقِلْهَا وَتَوَكَّلْ

Bermaksud: "Tambatlah ia (unta itu) dan selepas itu kamu bertawakal"

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Berbekalkan akal dan kebijaksanaan untuk berfikir dengan panduan syariat Ilahi, perlu difahami bahawa hukum sebab musabab atau *sunnatullah* menjadi pedoman kepada manusia dalam berusaha dan berikhtiar. Orang yang berusaha bersungguh-sungguh insya-Allah akan dikurniakan pertolongan, kejayaan dan kemenangan. Seorang bapa wajib keluar mencari rezeki untuk menafkahi keluarganya. Seorang ibu wajib mendidik anak-anak dengan ilmu dan iman untuk menjadikan mereka insan soleh. Seorang guru hendaklah sabar, tekun, bersungguh dan ikhlas mengilmukan muridnya. Seorang pelajar wajib bersungguh-sungguh menelaah dan mengulang kaji pelajaran untuk berjaya. Seorang peniaga hendaklah bijak dan arif menguruskan perniagaannya untuk

memperoleh keuntungan. Seorang pemimpin wajib jujur dan ikhlas berusaha mencari penyelesaian terbaik terhadap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar mengutarakan tiga perkara berikut:

Pertama: Ummah yang bertawakal kepada Allah SWT setelah berusaha, berikhtiar dan berdoa adalah ummah terpuji yang insya-Allah dikurniakan ganjaran pahala serta kebaikan di dunia dan akhirat.

Kedua: Usaha yang disertakan dengan tawakal menjadikan usaha itu hampir kepada kejayaan dan memperoleh pertolongan Ilahi, menjemput keberkatan dalam kehidupan, membuktikan pergantungan kepada dan perdampingan dengan Allah SWT, serta menatijahkan ketenangan dan ketenteraman dalam jiwa insani.

Ketiga: Masalah-masalah seperti kemurungan, kurang keyakinan, kecewa, berputus asa dan sebagainya boleh ditangani dengan kefahaman dan penghayatan yang betul terhadap sifat tawakal. Sifat tawakal menjadi penawar tatkala ummah berhadapan kegagalan, kekecewaan dan saat kesedihan dengan pegangan bahawa Allah SWT sentiasa bersama dengan orang yang bertawakal.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! jadikan kami termasuk dalam kalangan hamba yang bertawakal kepada Mu. Hiasi diri kami dengan sifat tawakal agar kami menyerahkan segala urusan kepada Mu, yakin dengan janji Mu serta reda dengan ketentuan Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.